

23 SEP 2003

Ong-Pegawai

LAKSANA SISTEM PEGAWAI KAWASAN KE ARAH PERKHIDMATAN BAIK

PUTRAJAYA, 23 Sept (Bernama) -- Pihak berkuasa tempatan diingatkan melaksanakan sistem pegawai kawasan bagi memastikan tindakan tegas diambil bagi menangani mana-mana masalah selaras dengan penekanan kerajaan mengenai pembangun satu budaya penyenggaraan di negara.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting berkata, adalah menjadi tugas pegawai kawasan untuk mencatat sebarang masalah seperti jalan berlubang, kerosakan lampu atau pokok tumbang dan memastikan tindakan diambil.

"Jika tindakan ini diselesaikan dengan cepat pada peringkat awal, ia mungkin dapat menjimatkan wang kerajaan, kata beliau memberitahu pemberita selepas menutup Seminar Kebangsaan "Ke Arah Membangunkan Budaya Penyenggaraan" di sini hari ini.

Awal hari ini, pada ucapan pembukaan seminar itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata penyenggaraan yang cuai yang memalukan telah menjadi satu cap kempa masyarakat Malaysia dan sikap ini mesti diubah.

Beliau juga berkata amalan pengurusan aset mestilah ditubuhkan di negara ini dengan rekod yang komprehensif bagi semua aset bernilai dan kedudukannya kini disimpan untuk mengetahui sama ada atau tidak mereka menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai seperti yang diharapkan.

Ong berkata pegawai kawasan mesti mengambil kiu daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang beliau sendiri mengeluarkan buku nota kecil untuk mencatat apa sahaja beliau rasakan tidak betul.

"Jika Perdana Menteri boleh nampak, kenapa pegawai peringkat rendah tidak boleh berbuat demikian?" kata beliau.

Apa yang penting, kata beliau tindakan menyelesaikannya dibuat dengan segera bagi mengelakkan sebarang perkara yang tidak dapat dielakkan, sambil memberi contoh bagaimana seorang penunggang motosikal meninggal dunia apabila kenderaannya itu terjatuh ke jalan berlubang.

-- BERNAMA

MAM BK